



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER PERTAMA SESI 2000/2001**

KOD/NAMA KURSUS : KF1013 – PENGANTAR PERAKAUNAN
TARIKH : 21 SEPTEMBER 2000 (KHAMIS)
MASA : 9.00 – 11.30 (2 1/2 JAM)
TEMPAT : KYM, INSTITUT PUJANGGA, KOLEJ IKRAM

ARAHAN :

1. Kertas soalan ini mengandungi **LIMA (5) SOALAN** dalam **SEPULUH (10)** halaman bercetak.
2. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan.
3. Anda dikehendaki menjawab soalan 2 (a) dan (b) di dalam lampiran yang disediakan. Manakala untuk soalan-soalan lain, anda dikehendaki menjawab di dalam kertas jawapan yang disediakan.
4. Sila pastikan anda menulis nombor matrik, nama pensyarah dan kumpulan kuliah anda dengan betul pada setiap kertas jawapan.

NO. MATRIK : _____
(dengan perkataan) (dengan angka)

NO. KAD PENGENALAN :

NAMA PENSYARAH : _____ **KUMPULAN :**

**JANGAN BUKA SOALAN INI
SEHINGGA DIBERI ARAHAN**

SOALAN 1 (20 MARKAH : 30 MINIT)

Syarikat Mami menjalankan perniagaan perdagangan. Baki-baki akaun untuk bulan Jun 1999 adalah seperti berikut:

Inventori 31 Jun 1999	RM30,000
Gaji terakru	8,000
Modal, Mami	22,000
Lain-lain akaun	-0-

Urusniaga Syarikat Mami di sepanjang bulan Julai 1999 ialah seperti berikut:

Julai	2	Syarikat Mami menjual barang niaga secara kredit kepada Syarikat Dadi pada harga RM9,500, syarat kredit 2/15, n/eom, FOB destinasi. Kos barang niaga dijual adalah RM6,000.
	3	Syarikat Mami membeli barang niaga secara kredit daripada Syarikat Papi sebanyak RM5,000, syarat kredit 3/15, n/30, FOB titik perkapalan. Diskaun kuantiti yang diberi ialah 10%. Syarikat Mami juga membayar kos pengangkutan sebanyak RM100 bagi belian ini.
	3	Syarikat Mami membayar kos pengangkutan sebanyak RM400 bagi penghantaran barang niaga yang dijual pada 2 Julai.
	10	Syarikat Mami menjual barang niaga secara kredit kepada Syarikat Dadi pada harga RM12,000. Syarat kredit FOB titik perkapalan, n/eom. Kos barang niaga dijual adalah RM9,000.
	11	Syarikat Dadi memulangkan RM2,000 barang niaga yang dibeli secara kredit pada 3 Julai daripada Syarikat Mami. Kos barang niaga yang dipulangkan ialah RM1,200.
	14	Syarikat Dadi membayar kos pengangkutan sebanyak RM200 bagi belian 10 Julai.
	15	Syarikat Mami memulangkan barang niaga yang dibeli daripada Syarikat Papi pada 3 Julai berjumlah RM1,000 dan seterusnya menjelaskan bayaran untuk belian tersebut.
	16	Syarikat Mami menjual barang niaga secara kredit kepada Syarikat Dadi sebanyak RM18,000, syarat kredit 1/10, n/30, FOB titik perkapalan. Syarikat Mami membayar kos pengangkutan sebanyak RM1,500 yang mana kos ini telah dimasukkan ke dalam invois. Kos barang niaga dijual adalah RM10,800.

18	Syarikat Dadi menjelaskan bayaran kepada Syarikat Mami untuk belian 3 Julai.
25	Syarikat Dadi menjelaskan bayaran kepada Syarikat Mami secara kredit untuk belian yang dibuat pada 16 Julai.
27	Syarikat Dadi menjelaskan bayaran kepada Syarikat Mami untuk belian yang dibuat pada 10 Julai.
28	Membayar gaji terakru kepada pekerja berjumlah RM2,000 secara tunai.
28	Membayar bil air, letrik dan telefon berjumlah RM400 secara tunai.
29	Belanja susutnilai perabot pejabat untuk bulan Julai dianggarkan sebanyak RM1,500.

DIKEHENDAKI:

- a) Sediakan **catatan jurnal** bagi urusaniaga di atas untuk Syarikat Mami menggunakan sistem inventori berterusan. Tunjukkan semua pengiraan dengan jelas. Penerangan tidak diperlukan.
(10.5 Markah)
- b) Tunjukkan pengiraan **untung kasar** bagi Syarikat Mami bagi bulan Julai 1999.
(4 Markah)
- c) Kirakan **inventori barangniaga** Syarikat Mami yang perlu dilaporkan dalam Lembaran imbangan pada 30 Julai 1999.
(2.5 Markah)
- d) Terangkan dengan ringkas perbezaan di antara sistem inventori berkala dan sistem inventori berterusan.
(3 Markah)

SOALAN 2 (20 MARKAH : 30 MINIT)

Di bawah ialah senarai urusniaga sepanjang bulan September 2000 bagi Galeri Kita Berseni yang beroperasi dengan membeli dan menjual lukisan.

1	Beli lukisan berharga RM550 daripada Lepat secara tunai. No. cek ialah 7896.
2	Membeli lukisan daripada Seniman Jalanan yang berharga RM600 secara tunai. Nombor cek ialah 7897.
3	Menjual lukisan berharga RM10,200 kepada Ali & Co. secara kredit. Syarat kredit ialah 2/10, n/30.
4	Membeli lukisan daripada Galeri Primadona berjumlah RM12,500 secara kredit. Syarat kredit yang ditawarkan ialah 15/10, n/60.
6	Galeri Primadona bersetuju untuk memberi elaun sebanyak RM200 ke atas sedikit kecacatan pada bingkai lukisan yang dibeli daripadanya.
10	Menjual lukisan berharga RM800 secara tunai.
12	Ali & Co. membayar harga lukisan yang dibeli pada 3 haribulan.
14	Membayar kepada Galeri Primadona sebanyak RM6,500. Nombor cek ialah 7898.
17	Menjual lukisan kepada SPK Enterprise berharga RM5,800 secara kredit. Syaratnya ialah 2/10, n/30.
20	Memberi elaun pengurangan harga kepada SPK Enterprise kerana kerosakan bingkai sebanyak RM280.
24	Menjelaskan hutang kepada Galeri Primadona. No. Cek ialah 7899.
27	Menerima bayaran daripada SPK Enterprise bagi beliannya pada 17 haribulan.
28	Terima bil daripada agen pengangkutan Nationwide berjumlah RM680 bagi perkhidmatan yang diberikan untuk sepanjang bulan September.
30	Membayar kepada Nationwide mengikut jumlah bil yang diterima. No. cek ialah 7900.
30	Membayar belanja utiliti sebanyak RM425. No. cek ialah 7901.

DIKEHENDAKI :

- a) Rekodkan semua urusanniaga ke dalam jurnal yang bersesuaian. (10 Markah)
- b) Pindah catat semua urusanniaga berkaitan dengan **Akaun Belum Terima** (jualan kredit) dan **Akaun Belum Bayar** (belian kredit) daripada jurnal belian, jurnal jualan, jurnal penerimaan tunai, jurnal pembayaran tunai dan jurnal am (jika ada) ke akaun-akaun yang betul di dalam lejer am dan lejer subsidiari. (6 Markah)
- c) Kenapa jurnal khas diperlukan sedangkan entiti perniagaan itu telah mempunyai jurnal am? (2 Markah)
- d) Terangkan secara ringkas peranan lejer subsidiari. (2 Markah)

Nota: Sila jawab soalan 2 (a) dan (b) di dalam lampiran yang disediakan.

SOALAN 3 (20 MARKAH : 30 MINIT)

Syarikat Ali Baba Bujang Lapuk sedang menjalankan operasi perkilangannya dan telah mengumpulkan beberapa maklumat bagi tahun kedua operasinya. Maklumat di sepanjang tahun 1999 adalah seperti berikut:

1. Hasil jualan bagi tahun 1999 adalah berjumlah RM4,000,000. Pulangan jualan adalah sebanyak RM90,000. Kos penghantaran barangan adalah berjumlah RM60,000.
2. Sejumlah RM2,000,000 upah dan gaji telah dilibatkan di mana agihannya adalah seperti berikut:

Buruh langsung	RM1,300,000
Buruh tak langsung	400,000
Kakitangan pentadbiran	300,000

3. Syarikat juga telah membeli polisi insurans untuk tempoh 3 tahun pada 1 Januari 1999 bernilai RM30,000 di mana 60% adalah untuk tujuan pengeluaran dan selebihnya untuk tujuan pentadbiran.
4. Kos aset boleh disusutnilai berjumlah RM2,300,000 dan hanya 80% daripada jumlah tersebut digunakan dalam pengeluaran. Baki susutnilai terkumpul pada 1 Januari dan 31 Disember masing-masing berjumlah RM950,000 dan RM1,200,000.
5. Penyata kos bahan mentah dan bekalan digunakan adalah seperti berikut:

Inventori awal	RM 150,000
Belian bahan mentah dan bekalan	1,000,000
(-) Inventori akhir	(100,000)
Kos bahan mentah dan bekalan digunakan	1,050,000

Hanya 75% sahaja daripada kos bahan mentah dan bekalan digunakan itu untuk tujuan pengeluaran. Manakala 25% lagi digunakan untuk pentadbiran. Daripada jumlah yang digunakan dalam pengeluaran, hanya RM650,000 sahaja merupakan bahan mentah langsung.

6. Inventori Kerja dalam Proses dan Barang Siap seperti pada 1 Januari dan 31 Disember 1999 adalah seperti berikut:

	1 Januari	31 Disember
Kerja Dalam Proses	RM180,000	RM160,000
Barang Siap	220,000	195,000

7. Belanja faedah untuk tahun 1999 berjumlah RM27,000.

DIKEHENDAKI:

- a) Sediakan **Penyata Kos Barang Dikilang** untuk Syarikat Ali Baba Bujang Lapuk bagi tahun berakhir 31 Disember 1999. Tunjukkan semua jalan pengiraan dengan jelas.
(6 Markah)
- a) Sediakan **Penyata Pendapatan** untuk Syarikat Ali Baba Bujang Lapuk bagi tahun berakhir 31 Disember 1999. Tunjukkan semua jalan pengiraan dengan jelas.
(10 markah)
- b) Bezakan di antara kos produk dan kos tempoh.
(4 markah)

SOALAN 4 (20 MARKAH : 30 MINIT)

Penyata pendapatan dan lembaran imbangan perbandingan bagi Syarikat Bijak Pandai bagi tahun berakhir 31 Disember 1998 dan 1999 adalah seperti berikut:

Syarikat Bijak Pandai
Penyata Pendapatan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1998 dan 1999

	1998	1999
	RM	RM
Jualan bersih	620,000	700,000
Tolak: Kos barang dijual	(350,000)	(400,000)
Untung kasar	270,000	300,000
Tolak: Belanja operasi:		
Belanja jualan	108,000	120,000
Belanja pentadbiran	64,000	66,000
Belanja faedah	8,000	10,000
Jumlah belanja operasi	180,000	196,000
Untung sebelum cukai	90,000	104,000
Tolak: Belanja cukai	(25,200)	(29,120)
Untung bersih	64,800	74,880

Syarikat Bijak Pandai
Lembaran Imbangan
Pada 31 Disember 1998 dan 1999

	1998	1999
	RM	RM
Aset		
Tunai	20,000	50,000
Sekuriti boleh pasar	40,000	20,000
Akaun belum terima (bersih)	40,000	60,000
Inventori	80,000	70,000
Belanja prabayar	4,000	10,000
Peralatan pejabat (Bersih)	246,000	290,000
Jumlah aset	430,000	500,000
Liabiliti dan Ekuiti Pemilik		
Akaun belum bayar	52,000	64,000
Nota belum bayar	30,000	40,000
Gaji belum bayar	10,000	6,000
Bon belum bayar	100,000	120,000
Saham biasa, nilai par RM10	200,000	200,000
Pendapatan tertahan	38,000	70,000
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemilik	430,000	500,000

Maklumat tambahan:

1.		<u>1999</u> <u>RM</u>
	Dividen tunai diisytihar dan dibayar	32,000
	Harga pasaran sesaham saham biasa pada 31 Disember	RM18.00
2.	Semua jualan adalah secara kredit.	
3.	Purata nisbah bagi industri adalah seperti berikut:	
	Nisbah semasa	2.5%
	Pusing-ganti akaun belum terima	12 kali
	Pulangan ke atas aset	25%
	Pulangan ke atas ekuiti pemilik	35%
	Nisbah kali faedah terperoleh/Nisbah litupan faedah	15 kali
	Kadar hasil dividen	6%

DIKEHENDAKI:

- a) Sediakan analisis mendatar ke atas penyata pendapatan perbandingan Syarikat Bijak Pandai.
(5 Markah)
- b) Kirakan nisbah berikut untuk tahun 1999:
- i) Nisbah semasa
 - ii) Pusing-ganti akaun belum terima
 - iii) Pulangan ke atas aset
 - iv) Pulangan ke atas ekuiti pemilik
 - v) Nisbah kali faedah terperoleh / Nisbah litupan faedah
 - vi) Kadar hasil dividen
- (12 markah)
- c) Berikan rumusan ringkas terhadap hasil analisis nisbah di atas dengan membandingkannya dengan purata industri.
(3 markah)

SOALAN 5 (20 MARKAH : 30 MINIT)

Syarikat RafiqdotCom adalah merupakan sebuah perniagaan tunggal yang beroperasi dalam penjualan perkakasan multimedia. Akaun-akaun akhir hanya disediakan pada setiap akhir tahun dengan menggunakan asas akruan. Tiada rekod yang lengkap disimpan kecuali resit-resit serta buku tunai yang disimpan dengan teratur dan urusan direkod pada asas tunai. Berikut adalah lembaran imbangan yang telah disediakan pada akhir tempoh kewangan yang lepas, iaitu pada 31 Julai 1999.

**Syarikat RafiqdotCom
Lembaran Imbangan Pada 31 Julai 1999**

Aset Semasa		Liabiliti Semasa	
Tunai	25,000	Akaun belum bayar	15,000
Akaun belum terima	5,000	Gaji terakru	2,000
Hasil sewa belum terima	2,500	Faedah terakru	1,500
Stok	15,000		
Sewa prabayar	5,000	Liabiliti Jangka panjang	
Insurans prabayar	3,000	Pinjaman bank	15,000
Aset Tetap		Ekuiti Pemilik	
Kelengkapan pejabat	25,000	Modal, Rafiq	47,500
JUMLAH	80,500	JUMLAH	80,500

Berikut adalah perincian dari buku tunai yang telah dinyatakan dalam bentuk akaun tunai seperti pada 31 Julai 2000:

Akaun tunai

Baki	25,000	Pinjaman bank	9,000
Jualan	95,000	Belian	35,000
Akaun belum terima	65,000	Akaun belum bayar	65,000
Hasil faedah	1,500	Gaji	12,000
Modal, Rafiq	15,000	Faedah pinjaman bank	3,000
Pulangan dan elaun belian	2,000	Sewa prabayar	7,500
		Insurans prabayar	5,000
		Ambilan, Rafiq	3,000
		Baki	64,000
	203,500		203,500

Berikut adalah maklumat tambahan yang diperolehi dari simpanan En. Rafiq:

1. Kelengkapan perlu disusutnilaikan pada kadar 10% setahun. Kelengkapan tersebut telah diperolehi pada 30 Julai 1999.
2. Pinjaman bank adalah dikenakan faedah pada kadar 10 peratus setahun ke atas baki pinjaman pada awal sesuatu tahun kewangan. Belanja faedah terakru untuk tahun kewangan berakhir 31 Julai 2000 telah dijelaskan.
3. Pada 31 Julai 2000, baki beberapa akaun adalah seperti berikut:

	<u>RM</u>
Akaun belum terima	30,000
Akaun belum bayar	25,000
Pinjaman bank	6,000
Gaji terakru	1,500
Sewa prabayar	2,500
Insurans prabayar	3,500
Faedah belum terima	500
Stok	13,000

4. Diskaun tunai diterima (diskaun belian) dan diskau tunai diberi (diskaun jualan) adalah masing-masing berjumlah RM800 dan RM1,200.
5. Kenderaan bernilai RM15,000 telah dibeli secara hutang pada 1 Julai 2000. Kenderaan ini disusutnilaikan pada kadar 10% setahun.

DIKEHENDAKI:

- a) Tentukan untung atau rugi bagi tempoh berakhir pada 31 Julai 2000 menggunakan asas akruan dengan menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Julai 2000. Tunjukkan jalan pengiraan dengan jelas.
(16 markah)
- b) Tentukan baki akhir akaun modal seperti pada 31 Julai 2000 menggunakan asas akruan.
(4 markah)

